

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
[ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH JAWAPAN : -**

**SOALAN**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan status Projek Skim Bekalan Air Tawau dan permohonan supaya peruntukan untuk kerja-kerja naik taraf dan menambah baik operasi di semua Loji Rawatan Air (LRA) di Tawau diluluskan dan disegerakan untuk memastikan krisis air tidak akan berlaku lagi.**

## **JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Laporan Makmal Pengurusan Nilai (*Value Management Lab*) telah ditandatangani pada 5 April 2016. Status semasa perlaksanaan Projek Skim Bekalan Air Fasa III: Rekabentuk dan Pembinaan Empangan Air Tawau masih dalam peringkat Makmal Kejuruteraan Nilai (*Value Engineering Lab*) yang mana bertujuan memenuhi fungsi sebagai empangan untuk bekalan air dan tebatan banjir serta mengoptimumkan rekabentuk projek ini sebelum proses/peringkat perolehan bagi projek ini dapat dijalankan. Makmal ini dijangka akan diadakan pada penghujung Mei 2016. Rekabentuk projek ini telah siap dan projek dijangka tender pada Ogos 2016.
  
2. Terdapat 3 buah loji rawatan air yang membekalkan air ke kawasan Tawau iaitu Loji Rawatan Air Utara, Loji Rawatan Air Cinta Mata dan Loji Rawatan Air Apas Balung dengan kapasiti sebanyak 131JLH. Jumlah pengeluaran semasa dari ketiga-tiga loji ini masih mencukupi bagi menampung permintaan semasa di kawasan Tawau.

\*\*\*\*\*

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY**

**SOALAN : NO. 279**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dengan lebih jelas 19 bentuk penajaan biasiswa dan pinjaman oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Senaraikan jenis-jenis jurusan atau peringkat seperti sijil atau ijazah, jumlah penerima, umur, jumlah wang dan sebagainya mengikut tahun sejak 2010 bagi setiap bentuk penajaan.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyediakan 22 bentuk penajaan/bantuan kewangan di peringkat sijil sehingga pasca kedoktoran. Antara bentuk penajaan/bantuan kewangan ialah melalui program MyBrain15, Bantuan Kewangan OKU, Bantuan Kewangan Asasi dan Biasiswa Sukan. Pemberian biasiswa dan bantuan kewangan ini mengambil kira faktor merit yang mana Kerajaan sentiasa memastikan pemberian biasiswa di peringkat pendidikan tinggi ini diberikan kepada pelajar-pelajar yang berkelayakan dan memenuhi kriteria ditetapkan seperti merit akademik, ko-kurikulum dan latar belakang sosioekonomi keluarga pemohon. Langkah ini dipraktikkan bagi memastikan semua kumpulan sasaran yang berkelayakan mempunyai peluang yang sama untuk akses kepada penajaan di samping memastikan pembangunan modal insan negara yang seimbang.

Ini merupakan usaha berterusan pihak Kerajaan yang sentiasa meluaskan peluang dan akses pengajian tinggi melalui penyediaan pembiayaan kepada semua peringkat pelajar yang berkelayakan. Bagi pegawai/pelajar yang mendapat tajaan, kemudahan yuran dan elaun yang disediakan adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan.

Terdapat seramai 54,372 orang pelajar/ pegawai yang sedang ditaja oleh KPT dari tahun 2011 sehingga 31 Mac 2016, iaitu di peringkat pengajian pra-universiti, sijil,

diploma, ijazah pertama, ijazah sarjana, ijazah kedoktoran, pasca kedoktoran dan sub kepakaran dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM3.075 bilion.

Selain KPT, Kementerian dan agensi yang turut menyediakan penajaan kepada pelajar melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi adalah JPA, Majlis Amanah Rakyat, Yayasan-Yayasan Negeri dan agensi berkaitan Kerajaan seperti PETRONAS, Yayasan Tenaga Nasional, Yayasan Telekom, Bank Negara Malaysia dan Khazanah Nasional.